

15/01/2003

TLDM bersedia pantau perairan Batu Putih

Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), bersedia meningkatkan pemantauan di sekitar perairan Pulau Batu Putih yang dituntut Singapura sebagai langkah berjaga-jaga.

Panglima Tentera Laut, Datuk Mohd Ramli Abu Bakar, berkata sebelum ini,

memang sudah ada rancangan untuk mengatur aktiviti serta latihan ketenteraan di kawasan berkenaan membabitkan TLDM dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"Memang sudah jelas pulau itu adalah hak Malaysia dan sebelum ini pun kita memang adakan banyak aktiviti di situ. Dalam soal ini, mereka (Singapura) hanya diamanahkan menjaga rumah api, bukan diberi hak milik,"

katanya kepada pemberita di Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Sebelum itu, Mohd Ramli, merasmikan Hari Q Markas Tentera Laut (MTL) peringkat Formasi MTL. Beliau turut menyampaikan sijil kepada penerima anugerah Hari Q 2002.

Mengulas mengenai tindakan Singapura meletakkan kapal tentera laut dan pengawal pantai di pulau berkenaan seolah-olah pulau itu menjadi milik mereka, Mohd Ramli berkata:

"Kita akan mengusahakan untuk membantu negara mengesahkan hak kedaulatannya ke atas pulau itu dengan cara baik," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa jalan terbaik bagi menyelesaikan pertikaian mengenai hak kedaulatan

itu adalah menerusi campur tangan pihak yang berkecuali dan atas sebab itulah Malaysia mahu merujuk kes itu kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dengan secepat mungkin.

Malaysia kini sedang menunggu tarikh yang sesuai untuk menandatangani perjanjian khas merujuk kes kepada ICJ.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Ramli berkata hasil siasatan kebakaran kapal TLDM di Pangkalan TLDM Lumut Disember lalu masih belum siap sepenuhnya dan sedang disiasat di peringkat armada TLDM.

Dalam kejadian 15 Disember lalu, kapal pengangkut terbesar milik TLDM, KD Sri Inderapura berharga RM250 juta, terbakar ketika berlabuh di jeti laut dalam Lumut, awal pagi ini.

Kebakaran itu adalah kejadian kedua membabitkan kapal TL-DM dalam tempoh lima hari. Sebelum itu, sebuah lagi kapal, KD Serampang, yang sedang dibaiki mengalami kerosakan teruk apabila terbakar di Kampung Acheh, Sitiawan.

"Belum siap lagi. Memang kita sudah siasat dan kini diteliti di peringkat armada TLDM. Nanti kalau sudah siap kami akan umumkan," katanya.

Difahamkan, laporan berkenaan akan siap sepenuhnya dan diserahkan kepada PTL pada Sabtu ini.

